

KAJIAN FRASA KERJA BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT DI SABAH: ANALISIS KERANGKA MINIMALIS

(A Study on the Verb Phrases of the Bajau Darat and Bajau Laut Languages in Sabah: A Minimalist Program Analysis)

Fazal Mohamed Mohamed Sultan*
fazal@ukm.edu.my

Siti Amanina Sahira Saidi
amaninasyaheera27@gmail.com

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Amanina Sahira Saidi. (2021). Kajian frasa kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut di Sabah: Analisis kerangka Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 163–192. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no1)

Peroleh: Received:	2/4/2021	Semakan: Revised	15/7/2021	Terima: Accepted:	25/8/2021	Terbit dalam talian: Published online:	5/12/2021
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Artikel ini merupakan kajian terhadap kata kerja dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut oleh penutur natif bahasa Bajau Darat di Kampung Keguraan, Kota Belud dan Bajau Laut di Kampung Tanjung Kapur, Kudat, Sabah. Bahasa Bajau merupakan bahasa ibunda kepada kaum Bajau di Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan menganalisis jenis kata kerja bahasa Bajau dengan menggunakan kerangka Minimalis. Kaedah kajian yang digunakan merangkumi kaedah lapangan, iaitu temu bual, rakaman, pemerhatian dan kaedah analisis data menggunakan kerangka Minimalis. Seramai enam orang responden yang ditemui

bual terdiri daripada tiga orang penutur natif bahasa Bajau Darat dan tiga orang penutur natif bahasa Bajau Laut. Rakaman perbualan setiap responden dan perbualan tersebut ditranskripsi serta dianalisis oleh pengkaji. Analisis ini memberikan tumpuan pada kedudukan kata kerja dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Hasil kajian mendapati bahawa kata kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut mempunyai kala. Kata kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut yang dituturkan di Sabah pula boleh terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif. Kajian ini juga mendapati bahawa struktur asas ayat bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut ialah KERJAAN-OBJEK-SUBJEK (KOS). Berdasarkan pendekatan kerangka Minimalis, kajian ini menjumpai tiga penemuan. Pertama, kewujudan satu posisi yang novel, iaitu FObjek untuk memenuhi urutan KOS dalam bahasa ini, kedua, kata kerja dalam bahasa ini menduduki posisi cantuman kepala Kala dan ketiga, wujudnya operator kosong (OP) untuk menandakan kewujudan subjek dalam semua ayat Bajau.

Kata kunci: Kata kerja, kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata kerja dwitransitif, bahasa Bajau Darat, bahasa Bajau Laut, kerangka Minimalis

Abstract

This article discusses the unique verbs in the Bajau Darat and Bajau Laut languages by native speakers of the Bajau Darat language in Kampung Keguraan, Kota Belud and Bajau Laut in Kampung Tanjung Kapur, Kudat, Sabah. The Bajau language is the mother tongue of the Bajau people in Sabah. This study aims to identify, describe, and analyse the types of Bajau verbs using the Minimalist Program. The research methods used include field methods, namely interviews, recordings and observations, and the data were analysed using the Minimalist Program. The six respondents interviewed consisted of three native speakers of the Bajau Darat language and three native speakers of the Bajau Laut language. The researchers recorded each respondent's conversation, and each conversation was transcribed and analysed. This analysis focused on the position of verbs in the Bajau Darat and Bajau Laut languages. The results found that the verbs in the Bajau Darat and Bajau Laut languages have tenses. In addition, the Bajau Darat and Bajau Laut languages consist of transitive verbs, intransitive verbs and ditransitive verbs.

This study also found that the sentence structure of both the Bajau Darat and Bajau Laut languages is VERB-OBJECT-SUBJECT (VOS). Based on the Minimalist Program approach used, this study has made three findings. First, there is a novel position known as an ObjectP to accommodate this language's VOS position. Second, the verb always moves to the adjunction position of the Tense head. Third, an empty operator (OP) exists to mark the subject in the Bajau language.


Keywords: Verbs, transitive verbs, intransitive verbs, ditransitive verbs, Bajau Laut, Bajau Darat, Minimalist Program.

PENGENALAN

Kaum Bajau merupakan antara suku kaum terbesar di Sabah dengan jumlah sebanyak 436,672 orang. Secara umumnya, kaum Bajau boleh didapati di daerah Kudat, Papar, Kota Belud, Tuaran, Papar, Kota Kinabalu, Tawau dan Lahad Datu. Pengkaji memilih daerah Kota Belud sebagai kawasan kajian untuk mengkaji bahasa Bajau Darat, manakala daerah Kudat untuk mengkaji bahasa Bajau Laut di Sabah. Hal ini demikian kerana daerah Kota Belud dan daerah Kudat mempunyai ramai penduduk berbangsa Bajau Darat dan Bajau Laut yang menuturkan bahasa Bajau.

Kampung Keguraan, Kota Belud bagi bahasa Bajau Darat dan Kampung Tanjung Kapur, Kudat bagi bahasa Bajau Darat merupakan kawasan untuk kajian lapangan bagi mendapatkan data primer. Teknik temu bual dan rakaman digunakan bagi memastikan data yang diperolehi adalah lengkap.

Kajian ini menganalisis kehadiran kata kerja tak transitif, transitif dan dwitransitif dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Data primer yang terdiri daripada jenis kata kerja tersebut diambil daripada penutur natif bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Data yang tidak berkaitan dengan frasa kerja tidak digunakan bagi menepati skop kajian ini. Data yang telah dimurnikan akan melalui analisis deskriptif bagi mengidentifikasikan jenis kata kerja dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Seterusnya, kerangka Minimalis (Chomsky, 1995, 2001) diaplikasikan untuk menganalisis struktur binaan ayat yang terdiri daripada ketiga-tiga jenis kata kerja tersebut.



Rajah 1 Kedudukan Kg. Keguraan, Kota Belud dan Kg. Tanjung Kapur, Kudat di Sabah.

Sumber: <https://www.google.com/maps> [20 September 2019].

BAHASA BAJAU

Negeri Sabah terkenal dengan kepelbagaian etnikinya. Terdapat lebih kurang 30 etnik yang telah dikenal pasti. Selain itu, terdapat 50 bahasa dan 80 dialek yang berbeza yang digunakan sebagai bahasa komunikasi di negeri Sabah. Yang berikut merupakan senarai 30 etnik di Sabah:

Jadual 1 Senarai etnik di negeri Sabah.

Senarai Etnik di Sabah		
Kadazandusun	Lundayeh	Tidung
Bajau	Kedayan	Sonsogon
Rungus	Suluk	Kagayan
Melayu Brunei	Iban (Iban Merotai)	Tatana
Orang Sungai	Binadan	Tagaas
Iranun	Bisaya	Ubian
Bonggi	Kokos	Kimaragang
Kwijau	Rumanau	Bajau Laut
Paitan	Lotud	Ida'an
Lun Bawang	Minokok	Inokang

Sumber: Laman web rasmi kerajaan negeri Sabah <https://sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah> [12 September 2020].

Kaum Bajau seramai 436,672 orang merupakan kaum yang terbesar di Sabah. Kaum Bajau ini yang menduduki kawasan pantai di bahagian timur dikenali sebagai Bajau Laut, manakala mereka yang menduduki kawasan pantai di bahagian barat dikenali sebagai Bajau Darat. Bajau Darat digelar “Koboi Timur” kerana kehebatan mereka menunggang kuda, manakala kaum Bajau di pantai timur dipanggil “Sea Gypsies” berdasarkan kemahiran mereka berlayar. Bahasa Bajau didakwa sebagai bahasa Melayu Deutero kerana persamaannya dengan bahasa Melayu kini. Terdapat dua jenis bahasa Bajau yang dituturkan oleh masyarakat Bajau di Sabah yang didakwa daripada rumpun yang sama, iaitu rumpun bahasa Austronesia (Saidatul Nornis, 2010). Panggilan bahasa masyarakat Bajau mengikut panggilan nama kaum mereka juga. Oleh itu, terdapat dua bahasa Bajau di Sabah, iaitu bahasa Bajau Darat dan bahasa Bajau Laut.

Namun begitu, terdapat perbezaan dialek dalam kalangan penutur bahasa Bajau. Perbezaan tersebut adalah dari segi morfologi, dan juga fonologi. Hal ini disebabkan oleh perbezaan lokasi antara kaum Bajau di pantai Timur dengan Barat, Sabah. Namun begitu, tidak semua penutur bahasa Bajau di pantai Barat menggunakan leksikal yang sama semasa bertutur. Intonasi yang digunakan semasa bertutur juga berbeza mengikut lokasi tertentu. Miller (2007) mendakwa daripada aspek sintaksis dialek Bajau Darat lebih dekat dengan bahasa Melayu.

KATA KERJA

Kata kerja terbahagi kepada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan kata kerja dwitransitif pada umumnya:

(a) Kata Kerja Transitif

Menurut Ong (2009), kata kerja transitif ialah kata kerja yang mempunyai objek. Frasa nama (FN) pada posisi objek dikenali sebagai argumen dalaman, manakala FN pada posisi subjek dikenali sebagai argumen luaran.

(b) Kata Kerja Tak transitif

Ayat yang mempunyai kata kerja jenis ini tidak memerlukan objek tetapi tetap merupakan satu ayat yang masih lengkap (Fazal Mohamed, 2005). Oleh itu, subjek menjadi satu-satunya argumen luaran kepada kata kerja

tersebut. Seterusnya, kata kerja ini terdiri daripada kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Apabila subjek dalam frasa berperanan sebagai agen, kata kerja tersebut merupakan kata kerja tak ergatif. Sebaliknya, jika subjek bagi frasa memegang peranan sebagai tema, penderita dan sebagainya, maka kata kerja tersebut ialah kata kerja tak akusatif.

(c) Kata Kerja Dwitransitif

Kata kerja dwitransitif pula memerlukan satu subjek dan dua objek yang dikenali sebagai objek langsung dan tak langsung untuk membentuk ayat yang purna bentuknya. Oleh itu, kata kerja dwitransitif mempunyai tiga argumen, iaitu dua argumen dalaman dan satu argumen luaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif. Kajian dijalankan di Kampung Keguraan, Kota Belud bagi mendapatkan data bahasa Bajau Darat, dan Kampung Tanjung Kapur, Kudat bagi mendapatkan data bahasa Bajau Laut merupakan kawasan lapangan kajian ini. Teknik yang digunakan ialah teknik temu bual. Enam orang responden yang dipilih terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang wanita. Tiga daripada mereka merupakan penutur bahasa Bajau Darat di Kampung Keguraan, Kota Belud dan tiga orang lagi penutur bahasa Bajau Laut di Kampung Tanjung Kapur, Kudat. Responden yang dipilih berumur 50 tahun dan ke atas. Seterusnya, responden merupakan penutur jati bahasa Bajau yang menggunakan bahasa Bajau sebagai medium komunikasi sehari-hari.

Teknik perbualan secara tidak langsung dan soal jawab merupakan teknik pengumpulan data untuk kajian ini. Data dirakamkan kesemuanya. Setiap responden ditemu bual secara berasingan. Kesemua responden menceritakan tentang sambutan hari raya, aktiviti sehari-hari, keadaan tempat tinggal dan juga pengalaman mereka ketika menghadapi bencana. Setiap soalan dijawab dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Perbualan tersebut juga dirakamkan dengan menggunakan telefon pintar berjenama Iphone.

Seterusnya, rakaman tersebut diterjemahkan oleh informan. Informan ini merupakan seorang penutur natif bahasa Bajau dan fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Semasa rakaman ketika temu bual dan soal jawab, informan akan bersama-sama dengan pengkaji.

KERANGKA MINIMALIS


Teori ini mengandaikan bahawa maklumat morfem sesuatu perkataan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang betul. Anggapan utama merupakan struktur ayat yang terbentuk melalui operasi gabungan yang berterusan, dan akhirnya ditentukan melalui dua struktur representasi untuk suatu ayat. Struktur representasi yang dimaksudkan ialah representasi yang menentukan bentuk fonetik (BF) dan representasi yang menentukan bentuk logik (BL).

Seterusnya, atur cara pembentukan ayat melibatkan satu set operasi linguistik, iaitu komputasi yang menghasilkan struktur sintaksis, bersama dengan set operasi BF yang mengubah struktur sintaksis kepada BF dan satu set operasi BL yang mengubah struktur sintaksis kepada BL. BF dan BL merupakan dua aras perantara dalam nahu kerana kedua-dua bentuk ini merupakan penghubung kepada sistem lain yang terletak di luar domain teori nahu. Sebagai contoh, representasi BF berperanan sebagai input dalam sistem tanggapan-artikulasi (*articulatory-perceptual*) manakala representasi BL berperanan sebagai input kepada sistem sengaja-konseptual (*conceptual-intentional*).

Selain itu, kandungan fonetik sesuatu perkataan akan dijelaskan dalam satu set fitur. Dalam langkah ini, representasi BF hanya akan menginterpretasikan fitur secara fonetik sahaja manakala representasi BL hanya akan menginterpretasikan fitur secara makna. Syarat ini telah ditetapkan oleh kekangan nahu sejagat yang dikenali sebagai Prinsip Interpretasi Penuh. Oleh itu, apabila sesuatu derivasi menghasilkan representasi BF atau BL yang memenuhi Prinsip Interpretasi Penuh, derivasi tersebut dikatakan telah bergabung (*merge*) pada BF atau BL seterusnya menghasilkan ekspresi yang gramatis.

Di samping itu, wujud satu aras yang dikenali sebagai cetusan (*spell out*) yang menyebabkan perceraian kepada BF dan BL. Dalam hal ini, proses derivasi ayat akan melalui beberapa langkah. Pertama, melalui operasi pemilihan (*selection*), iaitu setiap butir leksikal diambil daripada leksikon. Kedua, melalui proses gabungan (*merge*), iaitu konstituen digabungkan dalam keadaan berpasangan bagi membentuk struktur rajah pohon. Langkah yang terakhir, selepas proses cetusan, fitur fonetik dan semantik akan diproses berasingan. Proses ini digambarkan seperti dalam Rajah 2 (Edger 2003).

Leksikon merupakan satu andaian yang bersifat sejagat. Dalam erti kata lain, leksikon membawa maksud himpunan elemen yang dikenali



Rajah 2 Fitur fonetik dan semantik diproses berasingan (Edgar, 2003).

sebagai kata yang susunannya tidak tertib (butir leksikal). Butir leksikal tersebut akan dihantar ke sistem numerasi. Dalam sistem numerasi, leksikon dan tahap antara muka Bentuk-L dan Bentuk-F akan berinteraksi. Kedudukan antara numerasi dan cetusan dikenali sebagai sintaksis nyata (*overt syntax*), iaitu apabila penyemakan fitur tak berinterpretasi berlaku pada peringkat ini sebelum cetusan, manakala kedudukan antara cetusan dan tahap antara muka dikenali sebagai sintaksis tak nyata (*covert syntax*).

KATA KERJA TRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT

Objek merupakan entiti utama dalam kata kerja transitif seperti dalam contoh ayat (1):

1) *Ngelabuh Penjaram si babu.*

Masak Penjaram makcik.

“Makcik memasak Penjaram”.

2) *Maglait tepoh emboku.*

Menjahit tikar nenekku.

“Nenek saya menjahit tikar”.

Contoh ayat 1 dan 2 mengandungi kata kerja yang mempunyai objek. Ayat-ayat di atas merupakan struktur ayat KERJAAN-OBJEK-SUBJEK (KOS). Urutan ayat ini bertentangan daripada BMS yang mempunyai urutan ayat SUBJEK-KERJAAN-OBJEK (SKO). Kata kerja *ngelabuh* dan *maglait* yang dinyatakan dalam data (1) dan (2) merupakan kata kerja transitif yang hadir sebelum objek masing-masing. Kedua-dua KK tersebut memerlukan objek masing-masing untuk melengkapkan makna ayat. Sekiranya urutan ayat berubah maka ayat tersebut menjadi tidak

gramatis. Yang berikut merupakan contoh bagi ayat yang tidak gramatis bagi urutan ayat KSO dan SKO bagi kata kerja *ngelabuh* dalam bahasa Bajau Darat dan *maglait* dalam bahasa Bajau Laut:

3) a. ***Ngelabuh** *si babu penjaram.*

Masak makcik penjaram.

“Makcik memasak”.

b. **Si babu* **ngelabuh** *penjaram.*

Makcik masak penjaram.

“Makcik memasak penjaram”.

4) a. ***Maglait** *emboku tepoh.*

Jahit nenek tikar.

“Menjahit nenek tikar”.

b. **Emboku* **maglait** *tepoh.*

Nenek jahit tikar.

“Nenek menjahit tikar”.

Ayat 3(a) dan 4(a) merupakan contoh bagi urutan ayat KSO, manakala ayat 3(b) dan 4(b) berurutan SKO. Berdasarkan ayat yang nirpurna bentuknya di atas, iaitu (3a-b) dan (4a-b), dapat disimpulkan bahawa sifat urutan bahasa Bajau adalah tegas, iaitu KOS dan dikenali sebagai kata kerja berkepala awal. Kata kerja mestilah mendahului objek dalam bahasa Bajau. Urutan yang sebaliknya menghasilkan ayat yang nirpurna bentuknya seperti (1) dan (2). Sebagai contoh, dalam ayat 3(a) KK *ngelabuh* mendahului subjek *si babu* dan bukannya objek *penjaram*, manakala ayat 4(a) KK *maglait* mendahului subjek *emboku* dan bukannya objek *tepoh*. Dalam ayat 3(b) dan 4(b) pula, urutan ayat tersebut merupakan urutan ayat yang gramatis dalam BMS tetapi bukan dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut.

KATA KERJA TAK TRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT

Pada umumnya kata kerja tak transitif tidak mempunyai objek. Kata kerja ini hanya mempunyai subjek yang dikenali sebagai argumen luaran sahaja untuk membentuk ayat yang purna bentuknya. Malah kata kerja tak transitif dibahagikan kepada kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Yang berikut merupakan contoh ayat bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut yang mengandungi kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif.

Kata Kerja Tak Ergatif Bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut

KK ini hanya menerima argumen luaran yang merujuk subjek yang berperanan sebagai agen atau pengalami. KK tak ergatif mampu berdiri sendiri tanpa kehadiran sebarang objek selepas KK dan tidak mempengaruhi makna ayat. KK ini juga boleh diikuti oleh frasa penerang ataupun adverba pada posisi pangkal ayat. Data dalam Jadual 1 ialah contoh KK tak ergatif dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut.

Berdasarkan ayat 5(a) dan 6(a), dapatlah dilihat bahawa KN *Aisyah* dalam (5a) dan KGND *ia* dalam (6a) terletak pada posisi subjek yang berperanan sebagai agen dalam kedua-dua data bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Hal ini demikian kerana struktur ayat kata kerja tak transitif bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut ialah KERJAAN-SUBJEK (KS). Urutan ayat bahasa Bajau ini adalah berbeza daripada urutan BMS, iaitu SUBJEK-KERJAAN (SK). Ayat 5(b) dan 6(b) merupakan contoh ayat yang tidak gramatis bagi kata kerja tak ergatif kerana mempunyai urutan

Jadual 1 Data kata kerja tak ergatif dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut.

Bahasa Bajau Darat	Bahasa Bajau Laut
5) a. <i>Belagu Aisyah.</i> Nyanyi Aisyah. “Aisyah menyanyi”.	6) a. <i>Mahayang ia.</i> Jemur dia. “Dia menjemur”.
b. * <i>Aisyah belagu.</i> Aisyah nyanyi. “Aisyah menyanyi”.	b. * <i>Ia mahayang</i> Dia jemur “Dia menjemur”.

SUBJEK-KERJAAN (SK). Kesimpulannya, kata kerja tak transitif bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut juga merupakan kata kerja berkepala awal.

Kata Kerja Tak Akusatif Bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut

Kata kerja tak akusatif juga merupakan KK yang hanya memerlukan satu argumen luaran yang berfungsi sebagai subjek. Keunikannya yang berbeza daripada KK tak ergatif ialah argumen tersebut hanya berperanan selain daripada agen, iaitu tema, penderita, alatan dan sebagainya. Jadual 2 di bawah memaparkan contoh ayat bagi kata kerja tak akusatif bagi bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut.

Berdasarkan ayat bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut di atas, dapat dilihat bahawa setiap subjek ayat hanya berperanan sebagai tema. Dalam ayat 7(a) dan 8(a), KGND *yo* “dia” dan KN *mak toh* “datuk” masing-masing mengalami perbuatan *labuh* “terjatuh” dan *akiyum* “tersenyum”. Kedua-dua KK ini juga diandaikan berkala kini kerana kedua-duanya tidak mempunyai sebarang unsur kata bantu (KB) yang menunjukkan masa dalam ayat. Kedua-dua ayat ini merupakan ayat yang gramatis dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut kerana ayatnya yang berurutan KERJAAN-SUBJEK. Ayat 7(b) dan 8(b) merupakan contoh ayat yang tidak gramatis kerana KK dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut merupakan kata kerja berkepala awal. Oleh itu, kata kerja tak akusatif *labuh* dan *akiyum* mestilah mendahului subjek dalam ayat tersebut.

Jadual 2 Data kata kerja tak akusatif dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut.

Bahasa Bajau Darat	Bahasa Bajau Laut
7) a. <i>Labuh yo</i> . Jatuh dia. “Dia terjatuh” b. * <i>Yo labuh</i> Dia jatuh “Dia terjatuh”.	8) a. <i>Akiyum embo</i> . Senyum nenek. “Nenek tersenyum”. b. * <i>Embo akiyum</i> Nenek senyum “Nenek tersenyum”.

KATA KERJA DWITRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT

Kata kerja dwitransitif merupakan KK mempunyai tiga argumen dalam sesuatu ayat. Tiga argumen tersebut terdiri daripada satu subjek dan dua objek, iaitu objek langsung dan objek tidak langsung. Argumen ini memainkan peranan penting bagi susunan dan makna ayat. Dalam erti kata lain, KK dwitransitif memerlukan dua objek selepas KK untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Yang berikut merupakan contoh data bagi KK dwitransitif yang terdapat dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut:

9) *Muan kuih yo tak jomo dembila.*

Beri kuih dia dekat jiran.

“Dia memberikan kuih kepada jiran”.

10) *Angalingan otoh inah ma kusina.*

Panggil abang ibu dari dapur.

“Ibu memanggil abang dari dapur”.

Berdasarkan contoh ayat bahasa Bajau Darat (9) dan Bajau Laut (10) jelas menunjukkan bahawa ayat bagi KK dwitransitif mengandungi dua objek, iaitu objek langsung *kuih* dan *otoh*, manakala objek tidak langsungnya, *jomo dembila* dan *ma kusina*. Setiap ayat tersebut terdiri daripada tiga argumen untuk melengkapkan susunan dan makna ayat sama seperti struktur kata kerja dwitransitif dalam BMS. Oleh itu, ayat (9) dan (10) merupakan ayat yang gramatis bagi KK dwitransitif dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Dalam bahasa Melayu standard, kedudukan objek langsung dan tak langsung boleh berubah. Hal ini berbeza dengan bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Perubahan tersebut akan menjejaskan makna asal bagi ayat yang hendak disampaikan. Yang berikut merupakan contoh ayat yang tidak gramatis bagi bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut apabila mengalami perubahan tempat antara objek langsung dengan objek tak langsung:

11) **Muan jomo dembila kuih tak yo.*

Beri jiran kuih dekat dia.

“Jiran memberikan kuih kepada dia”.

- 12) **Angalingan* ma kusina otoh ibu.
Panggil dari dapur abang inah.
“Abang memanggil ibu dari dapur”.

Ayat (11) telah menyebabkan makna asal bagi ayat bahasa Bajau Darat berubah. Subjek bagi ayat ini bukan lagi *yo*, tetapi berubah menjadi *jomo dembila*. Hal ini menyebabkan makna ayat berubah daripada “dia memberikan kuih kepada jiran” kepada “jiran memberikan kuih kepada dia”. Begitu juga dengan ayat (12) yang telah berubah maknanya. Jelaslah bahawa perubahan kedudukan objek langsung dan tidak langsung dalam ayat bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut menyebabkan makna asal bagi sesuatu ayat berubah.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN SINTAKSIS FRASA KERJA TRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT


Analisis deskriptif sebelumnya telah membuktikan bahawa kata kerja yang menjadi kepala frasa dalam contoh ayat 13 dan 14 merupakan kata kerja transitif berikutan kata kerja berkenaan memerlukan KN untuk mengikuti kata kerja bagi melengkapkan makna ayat. Analisis sintaksis akan menggunakan contoh 1 dan ditulis semula seperti contoh 13 yang berikut.

- 13) Bahasa Bajau Darat: *Ngelabuh Penjaram si babu.*
Glos: Masak Penjaram makcik.
Terjemahan: “Makcik memasak Penjaram”.

Rajah pohon bagi kata kerja transitif *ngelabuh* yang dianalisis menggunakan kerangka Minimalis seperti dalam Rajah 3.

Derivasi di atas menggambarkan proses pembentukan frasa kerja (FK) melalui operasi gabung (*merge*) antara KK *ngelabuh* yang bertindak sebagai kepala dengan N *penjaram* sebagai komplemennya seperti yang berlaku dalam Rajah 3. Pada peringkat permulaannya, berlaku proses pemilihan k bagi memenuhi keperluan KK *ngelabuh* yang memerlukan kehadiran N *penjaram* untuk proses interpretasi bagi peranan tetanya. Hal ini demikian kerana KK *ngelabuh* ialah kata kerja transitif yang memerlukan objek selepasnya dan berperanan sebagai agen.

Setelah proses gabung selesai, proses yang seterusnya ialah proses semakan bagi memberikan nilai kepada fitur pemilihan-k. Fitur pemilihan-k



Rajah 3 Rajah pohon bagi kata kerja transitif bahasa Bajau Darat *ngelabuh*.

dilakukan di bawah prinsip adik-beradik. Fitur pemilihan-k ini bermaksud pemilihan kategori perkataan yang bersesuaian untuk hadir bersama-sama perkataan tersebut. Berdasarkan Rajah 3, telah berlaku pergerakan KK *ngelabuh* yang berada di bawah posisi FK kepada posisi k kecil bagi memenuhi prinsip UTAH. Pergerakan ini berlaku disebabkan oleh KK *ngelabuh* merupakan unsur yang kuat untuk melakukan pergerakan ke posisi yang lebih tinggi. Kesan daripada pergerakan tersebut, maka KK *ngelabuh* akan meninggalkan tanda < > yang dikenali sebagai bekas seperti yang terdapat pada KK <*ngelabuh*>. Selepas pergerakan tersebut, KK *ngelabuh* mendapat fitur yang baharu, iaitu fitur kala kini berbanding sebelumnya KK *ngelabuh* mempunyai fitur [K].

Selain itu, k kecil telah dipilih sebagai pasangan kepada FK dan seterusnya membentuk FK dan k' (k tanda). Kemudian, berlaku cetusan pada bahagian k dalam rajah pohon di atas, iaitu k telah dicetuskan kepada KK *ngelabuh* dan kala kini.

Derivasi yang berlaku dalam Rajah 3 ini juga telah menyebabkan *si babui* [N] telah memilih k' sebagai pasangannya apabila k' mempunyai fitur [N] dan membentuk Fk. Kata nama *si babui* ini mempunyai fitur berinterpretasi [N]. Keadaan ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan keadaan ini menyebabkan fitur tak berinterpretasi berkenaan boleh disemak.


Fk akan bergabung dengan KN *penjaram* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] bagi memenuhi prinsip UTAH yang dibawa naik daripada posisi FK untuk membentuk FObjek. Gabungan ini membolehkan fitur tak berinterpretasi pada Fk dapat disemak. Oleh sebab kata kerja transitif bahasa Bajau Darat ini berbentuk KOS, maka fitur N pada *si babu* tidak diprojsikan ke atas untuk bergabung dengan kala' bagi membentuk fkala, sebaliknya telah wujud satu posisi baharu untuk memprojsikan *si babu*, iaitu FObjek untuk bahasa ini. Maka, *si babu* dikoindekskan dengan OPi (operator) supaya kasus nominatif dapat ditandakan pada *si babu* dan subjek ini tidak akan naik untuk mendapatkan kasus dalam bahasa Bajau.

Dalam Rajah 3, telah berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:] apabila kala [kini] yang memerintah k [ukala:] akan menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [ukala:kini]. Penilaian fitur ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [ukala:] disemak menjadi [ukala:kini]. Kata kerja *ngelabuh* dibawa naik ke posisi kala untuk diberikan nilai kala, iaitu kala kini.

Struktur rajah pohon yang lengkap menggunakan kerangka Minimalis bagi (*ngelabuh penjaram si babu*) kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang diprojsikan untuk membina nodus yang baharu. Selain itu, KK *ngelabuh* yang mendasari ayat merupakan kata kerja transitif berikutan kata kerja ini memerlukan argumen dalaman yang dipenuhi oleh KN *penjaram* dan argumen luaran yang dipenuhi oleh KN *si babu*. Wujud satu posisi baharu daripada kebiasaan rajah pohon, iaitu FObjek disebabkan struktur binaan ayat bagi bahasa Bajau untuk KKT ialah KOS. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Darat menyebabkan tidak ada elemen subjek yang bergerak ke posisi Spek Fk. Subjek *si babu* kekal berada pada posisi dasar, iaitu spek Fk.

- 14) Bahasa Bajau Laut: Maglait teph emboku.
 Glos: Menjahit tikar nenekku.
 Terjemahan: “Nenek saya menjahit tikar”.

Rajah 4 menunjukkan proses pembentukan frasa kerja (FK) melalui operasi gabung (*merge*) di antara leksikal *maglait* (KK) yang bertindak sebagai kepala dengan *teph* N seperti yang berlaku dalam rajah tersebut. Pada peringkat permulaannya, berlaku proses pemilihan k bagi memenuhi keperluan KK *maglait* yang memerlukan kehadiran N *teph* untuk proses



Rajah 4 Rajah pohon bagi kata kerja transitif bahasa Bajau Laut *maglait*.

interpretasi bagi peranan tetanya. Hal ini demikian kerana KK *maglait* merupakan kata kerja transitif yang memerlukan objek penyambut selepasnya dan membawa peranan teta sebagai agen.

Setelah proses gabung selesai, proses yang seterusnya ialah proses semakan bagi memberikan nilai kepada fitur pemilihan-k. Fitur pemilihan-k dilakukan di bawah prinsip adik-beradik. Fitur pemilihan-k ini bermaksud melakukan pemilihan kategori perkataan yang bersesuaian untuk hadir bersama-sama perkataan tersebut. Berdasarkan Rajah 4, telah berlaku pergerakan KK *maglait* yang berada di bawah posisi FK kepada posisi k kecil bagi memenuhi prinsip UTAH. Pergerakan ini berlaku disebabkan oleh KK *maglait* merupakan unsur yang kuat untuk melakukan pergerakan ke posisi yang lebih tinggi. Kesan daripada pergerakan tersebut, maka KK *maglait* meninggalkan tanda <> yang dikenali sebagai bekas seperti yang terdapat pada KK <*maglait*>. Selepas pergerakan tersebut, KK *maglait* mendapat fitur yang baharu, iaitu fitur kala kini berbanding sebelumnya KK *maglait* mempunyai fitur [K].

KK *maglait* diperlukan oleh N *emboku* bagi penandaan teta. Selain itu, dalam bahagian ini juga k kecil telah dipilih sebagai pasangan kepada FK dan seterusnya membentuk FK dan k' (k tanda). Kemudian, berlaku cetusan pada bahagian k dalam rajah pohon di atas apabila k telah dicetuskan kepada KK *maglait* dan kala kini.

Derivasi yang berlaku juga telah menyebabkan *emboku*[N] telah memilih k' sebagai pasangannya apabila k' mempunyai fitur [N] dan membentuk Fk. Kata nama *emboku* ini mempunyai fitur berinterpretasi [N]. Keadaan ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k', dan keadaan ini menyebabkan fitur tak berinterpretasi berkenaan boleh disemak.

Dalam Rajah 4, Fk bergabung dengan KN tepoh yang dibawa naik daripada posisi FK untuk membentuk FObjek. Oleh sebab kata kerja transitif bahasa Bajau Laut ini berbentuk KOS, maka fitur N pada *emboku* tidak diprojsikan untuk bergabung pada kala' bagi menghasilkan Fkala, sebaliknya telah wujud satu posisi baharu untuk memprojsikan *emboku*, iaitu FObjek untuk bahasa ini. Maka, *embok* dikoindekskan dengan OPi (operator) supaya kasus nominatif dapat ditandakan pada si babu dan subjek ini tidak akan naik untuk mendapatkan kasus dalam bahasa Bajau.

Seterusnya, berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:] apabila kala [kini] yang memerintah k [ukala:] menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [ukala:kini]. Penilaian fitur ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [ukala:] disemak menjadi [ukala:kini]. Kata kerja *maglait* dibawa naik ke posisi kala untuk diberikan nilai kala, iaitu kala kini.


Rajah 4 merupakan struktur rajah pohon yang lengkap menggunakan kerangka Minimalis bagi (*maglait tepoh emboku*) kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang diprojsikan untuk membina nodus yang baharu. Selain itu, KK *maglait* yang mendasari ayat merupakan kata kerja transitif berikutan kata kerja ini memerlukan argumen dalaman yang dipenuhi oleh KN *teph* dan argumen luaran yang dipenuhi oleh KN *emboku*. Wujud satu posisi baharu daripada kebiasaan rajah pohon, iaitu FObjek disebabkan struktur binaan ayat bagi bahasa Bajau Laut untuk KKT ialah KOS. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Laut menyebabkan tidak ada elemen subjek yang bergerak ke posisi Spek Fkala. Subjek *emboku* kekal berada pada posisi dasar, iaitu spek Fk.

Analisis rajah pohon yang digunakan dalam kajian ini menggunakan analisis yang hampir sama seperti dalam kajian bahasa Yunani yang telah dijalankan oleh Evi Sifaki pada tahun 2014. Pengkaji tersebut telah mengenal pasti struktur rajah pohon bagi urutan ayat KOS dalam bahasa Yunani dan corak pemfokusannya. Urutan KOS memaparkan corak pemfokusan yang berbeza. Dalam kajian tersebut, urutan KOS dalam

bahasa Yunani diturunkan melalui satu derivasi sama seperti bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Yang berikut merupakan contoh rajah pohon bagi struktur KOS dalam bahasa Yunani:

Perase tis exetasis i Maria
 Passed the exams Mary
 “Mary passed the exam”.

Berdasarkan rajah pohon dalam Rajah 5, dapat dilihat bahawa tidak ada elemen subjek yang akan bergerak ke posisi Spek Fkala. Hal ini demikian kerana kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Yunani. Oleh itu, subjek *i Maria* hanya akan berada pada posisi dasar, iaitu spek vP. Rajah pohon ini hampir sama seperti rajah pohon yang dinyatakan pengkaji bagi



Rajah 5 Rajah pohon kata kerja transitif bahasa Yunani *perase*.
 (Sumber: Evi Sifaki, 2014)


bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut apabila subjek bagi ayat tidak akan bergerak ke posisi spek Fkala. Rajah 5 juga menunjukkan gabungan KN *tis exetasis* dan vP membentuk vP berbeza dengan gabungan KN dan Fk bagi rajah pohon dalam bahasa Bajau yang membentuk Fobjek.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN SINTAKSIS KATA KERJA TAK TRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT

Kata kerja tak ergatif *belagu* dan *mahayang* hanya menandakan peranan agen kepada argumen luarannya yang merupakan subjek kepada ayat berkenaan. Perbezaan penandaan argumen bagi setiap kata kerja tak ergatif menjadikannya unik dan berbeza daripada kata kerja tak akusatif. Analisis kata kerja tak ergatif ini ditunjukkan dengan lebih lanjut menggunakan rajah pohon yang dihasilkan berpandukan kerangka Minimalis.

- 15) Bahasa Bajau Darat: ***Belagu*** *Aisyah*.
- Glos: Nyanyi *Aisyah*.
- Terjemahan: “Aisyah menyanyi”

Rajah 6 terdiri daripada dua leksikal sahaja, iaitu (*belagu*, *Aisyah*). Kata kerja *belagu* hanya memerlukan argumen luaran sahaja. Argumen




Rajah 6 Rajah pohon bagi kata kerja tak ergatif bahasa Bajau Darat *belagu*.

tersebut berperanan sebagai agen. Kata kerja tak ergatif hanya memerlukan satu argumen luaran. Maka nodus akar bagi KK tak ergatif ini tidak mengandungi komplemen di bawah Fk. Oleh itu, KK *belagu* dipilih bagi membentuk Fk seperti yang ditunjukkan dalam contoh di atas. Seterusnya, kata kerja *belagu* ini bergerak ke posisi baharu di bawah cantuman k' (k tanda).

Berdasarkan rajah pohon dalam Rajah 6, FN *Aisyah* akan digabungkan dengan rajah k' untuk membentuk Fk. Keadaan ini menunjukkan KK *belagu* bergabung dengan fitur berinterpretasi pada k untuk membentuk k'. KN *Aisyah* membawa fitur yang berinterpretasi bagi menyemak uN dalam kata kerja *belagu* untuk memenuhi tatatingkat projeksi bagi membentuk derivasi. Kemudian, Fk membentuk satu struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua kepada KK *belagu* dan fitur [ukala:]. KK *belagu* bergerak ke nodus k daripada kedudukan yang asal dan meninggalkan bekas pada nodus FK. Fitur yang dimiliki oleh k diproleksikan ke k' untuk membolehkan fitur tersebut disemak.

Derivasi di atas menunjukkan proses pemilihan dan penggabungan Fk dengan Kala untuk membentuk kala'. Kala ini membawa fitur tak berinterpretasi [kini]. Fitur tak berinterpretasi [ukala:] dinilai oleh fitur berinterpretasi [kini menggunakan operasi keserasian. Pada kebiasaannya, selepas proses menyemak fitur [ukala:], subjek KN dari posisi Spek akan digerakkan dan bergabung dengan kala' bagi membentuk Fkala. Namun begitu, pada tahap ini, operasi tersebut tidak berlaku. Malah operasi tersebut diambil alih oleh operasi pergerakan KK *belagu*. KK *belagu* bergerak dan bercantum dengan kala [kini] bagi membentuk kala. Pergerakan ini menyebabkan KK pada posisi k akan menjadi bekas < > iaitu <*belagu*> sekali gus menyebabkan KK mengalami dua kali pergerakan. Dalam rajah ini, binaan KS (KERJAAN-SUBJEK) ialah binaan yang gramatis kerana kewujudan unsur tambahan di belakang KN menyebabkan KK sentiasa di hadapan. Maka, penilaian tersebut membentuk [ukala:kini] dan berjaya disemak, seterusnya ditandakan sebagai [ukala:kini] seperti dalam derivasi tersebut. Kemudian, kala' bergabung dengan O*P*_i (operator) membentuk Fkala. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Darat menyebabkan tidak ada elemen subjek yang bergerak ke posisi Spek Fkala. Subjek *Aisyah* kekal berada pada posisi dasar, iaitu spek Fk.




Rajah 7 Rajah pohon bagi kata kerja tak ergatif bahasa Bajau Laut *palagi*.

- 16) Bahasa Bajau Laut: *Palagi sigam*.
 Glos: Berenang mereka.
 Terjemahan: “Mereka berenang”.

Rajah 7 di atas hanya mempunyai dua leksikal, iaitu (*palagi, sigam*). Kata kerja *palagi* merupakan kata kerja yang memerlukan argumen luaran sahaja. Argumen luaran yang berperanan sebagai agen mengisi Fk. Kata kerja tak ergatif hanya memerlukan argumen luaran sahaja, maka nodus akar bagi KK tak ergatif ini tidak mengandungi komplement di bawah Fk. Oleh itu, KK belagu dipilih bagi membentuk FK seperti yang ditunjukkan dalam contoh rajah di atas. Seterusnya, kata kerja *palagi* ini bergerak ke posisi baharu di bawah cantuman k' (k tanda).

FN *sigam* digabungkan dengan k' untuk membentuk Fk. Keadaan ini menunjukkan KK *palagi* bergabung dengan fitur berinterpretasi pada k untuk membentuk k'. Proses pemilihan kata nama (KN) *sigam* bergabung dengan k' untuk membentuk Fk. KN *sigam* membawa fitur yang berinterpretasi bagi menyemak uN dalam kata kerja *palagi* untuk memenuhi tatatingkat projeksi bagi membentuk derivasi. Kemudian, Fk membentuk satu struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua kepada KK *palagi* dan fitur [ukala:]. KK *palagi* bergerak ke nodus k daripada kedudukan yang asal dan meninggalkan bekas pada nodus FK. Fitur yang dimiliki oleh k diprojsikan ke k' untuk membolehkan fitur tersebut disemak.

Derivasi di atas menunjukkan proses pemilihan dan penggabungan Fk dengan Kala untuk membentuk kala'. Kala ini membawa fitur tak berinterpretasi [kini]. Fitur tak berinterpretasi [ukala:] dinilai oleh fitur berinterpretasi [kini menggunakan operasi keserasian. Pada kebiasaannya, selepas proses menyemak fitur [ukala:], subjek KN dari posisi Spek digerakkan dan bergabung dengan kala' bagi membentuk Fkala. Namun begitu, pada tahap ini, operasi tersebut tidak berlaku. Malah operasi tersebut diambil alih oleh operasi pergerakan KK *palagi*. KK *palagi* bergerak dan bercantum dengan kala [kini] bagi membentuk kala. Pergerakan ini menyebabkan KK pada posisi k menjadi bekas < > iaitu <*palagi*> sekali gus menyebabkan KK mengalami dua kali pergerakan. Dalam struktur ini, binaan KS (KERJAAN-SUBJEK) ialah binaan yang gramatis kerana kewujudan unsur tambahan di belakang KN menyebabkan KK sentiasa di hadapan. Maka, penilaian tersebut membentuk [ukala:kini] dan apabila fitur tersebut berjaya disemak, ia ditandakan sebagai [ukala:kini] seperti dalam derivasi tersebut. Kemudian, kala' bergabung dengan OPi (operator) untuk membentuk Fkala. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Laut menyebabkan tidak ada elemen subjek yang bergerak ke posisi Spek Fkala. Subjek *sigam* kekal berada pada posisi dasar, iaitu spek Fk.



Rajah 8 Rajah pohon bagi kata kerja tak akusatif bahasa Bajau Darat *turi*.

- (17) Bahasa Bajau Darat: Turi mak toh.
 Glos: Tidur datuk.
 Terjemahan: “Datuk tertidur”.

Ayat (17) di atas mengandungi elemen seperti (*turi, mak toh*). Analisis deskriptif telah memperlihatkan KK *turi* merupakan kata kerja tak akusatif kerana memerlukan argumen dalaman. Oleh itu, KN *mak toh* digabungkan dengan KK *turi* untuk membentuk FK dan menyebabkan subjek membawa peranan sebagai pengalami. Sebagai kata kerja tak akusatif, KK *turi* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang memerlukan elemen namaan [N] untuk menduduki posisi komplemen. Dalam Rajah 8, *turi* [k] digabungkan dengan elemen *mak toh* [N]. KN *mak toh* mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang boleh disemak apabila digabungkan dengan KK *turi* seterusnya menghasilkan ayat yang gramatis.

Kemudian, FK digabungkan dengan k untuk memenuhi projeksi tatatingkat yang menghasilkan Fk seperti dalam rajah pohon di atas. Seterusnya k membentuk struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua yang diisi oleh KK *turi* dan fitur kala [ukala:]. KK *turi* meninggalkan bekas <*turi*> dan bergerak dari posisi asal untuk melakukan pengisian kepada nodus k seperti yang terdapat dalam Rajah 8 di atas. Gabungan k dengan FK tidak membentuk k' kerana berbeza dengan kata kerja transitif kerana KK *turi* tidak memerlukan argumen luaran.

Seterusnya, dalam rajah pohon di atas, Fk diberikan fitur kala lepas dengan menggabungkan kedua-dua letusan untuk membentuk nodus kala'. Berdasarkan rajah pohon di atas, Fk dicantum dengan kala [lepas] bagi menghasilkan Kala'. Hal ini membolehkan fitur [ukala:] mempunyai nilai dan boleh disemak seperti dalam Rajah 8 di atas. Kata kerja *turi* pula dibawa naik ke kala untuk diberikan nilai kala lepas dan meninggalkan bekas <> pada nodus k. Operasi pergerakan KK *turi* ke posisi cantuman kala. Disebabkan dalam bahasa Bajau Darat, KN membawa satu unsur tambahan yang mewajibkan KN tersebut sentiasa berada di belakang kata kerja tak akusatif, maka KK *turi* bergerak dan bercantum dengan kala [lepas] bagi membentuk kala. Pergerakan ini menyebabkan KK mengalami dua kali pergerakan. Dalam struktur di atas, binaan KS (KERJAAN-SUBJEK) ialah binaan yang gramatis kerana kewujudan unsur tambahan di belakang KN menyebabkan KK sentiasa di hadapan kala. Kemudian, telah berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:] apabila kala [lepas] yang memerintah [ukala:] menilainya


dengan fitur [lepas] untuk menghasilkan [ukala:lepas]. Penilaian fitur tak berinterpretasi [ukala:] disemak menjadi [ukala:lepas].

Dalam derivasi di atas, *OPi* diwujudkan untuk menjadi pasangan kepada Kala' lalu membentuk Fk. Oleh sebab kata kerja bahasa Bajau Darat ini berbentuk KS, maka fitur N pada *mak toh* tidak diprojsikan ke atas untuk bergabung dengan Kala' bagi membentuk Fk_{ala}, sebaliknya telah wujud satu posisi baharu untuk memprojsikan *mak toh*, iaitu FObjek bagi bahasa ini. Maka *mak toh* dikoindekskan dengan *OPi* (operator) supaya peranan teta agen dapat ditandakan pada *mak toh* dan subjek ini tidak naik untuk mendapatkan kasus dalam bahasa Bajau Darat. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Darat menyebabkan tidak ada elemen subjek yang akan bergerak ke posisi Spek Fk_{ala}. Subjek *mak toh* kekal berada pada posisi dasar, iaitu pada posisi komplemen FK.

Merujuk data kata kerja tak akusatif yang telah disenaraikan sebelum ini, KK tak akusatif yang dianalisis pada bahagian ini ialah *turi* dan *akiyum*. Kata kerja ini dianalisis menggunakan kerangka Minimalis. Kata kerja tak akusatif ini menandakan peranan teta sebagai penderita, pengalami, instrumen dan mana-mana peranan teta selain daripada agen. Seperti kata kerja tak ergatif, kata kerja tak akusatif bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut juga mempunyai binaan ayat yang sama, iaitu KS (KERJAAN- SUBJEK) yang membawa kepada pergerakan dua kali kata kerja. KK tak akusatif ini boleh dilihat seperti rajah pohon dalam Rajah 9.

- (18) Bahasa Bajau Laut: ***Akiyum*** embo
 Glos: Senyum nenek
 Terjemahan: “Nenek tersenyum”,

Ayat (18) mengandungi elemen *seperti (akiyum, embo)*. Analisis deskriptif telah memperlihatkan KK *akiyum* merupakan kata kerja tak akusatif kerana memerlukan argumen dalaman. Oleh itu, KN *embo* digabungkan dengan KK *akiyum* untuk membentuk FK dan menyebabkan subjek membawa peranan sebagai pengalami. Sebagai kata kerja tak akusatif, KK *akiyum* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang memerlukan elemen namaan [N] untuk menduduki posisi komplemen. Dalam (8), leksikal *akiyum* [k] digabungkan dengan elemen *embo* [N]. KN *embo* mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang boleh disemak apabila



Rajah 9 Rajah pohon bagi kata kerja tak akusatif bahasa Bajau Laut *akiyum*.

digabungkan dengan KK *akiyum* seterusnya menghasilkan ayat yang gramatis.

Kemudian, FK digabungkan dengan k untuk memenuhi projeksi tatatingkat yang menghasilkan Fk seperti dalam rajah pohon di atas. Seterusnya k membentuk struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua yang diisi oleh KK *akiyum* dan fitur kala [ukala:]. KK *akiyum* meninggalkan bekas <*akiyum*> dan bergerak dari posisi asal untuk melakukan pengisian ke nodus k seperti yang terdapat dalam rajah pohon di atas. Gabungan k dengan FK tidak membentuk k'. Hal ini demikian kerana sifatnya yang berbeza dengan kata kerja transitif kerana KK *akiyum* tidak memerlukan argumen luaran.

Seterusnya, dalam rajah pohon di atas, Fk diberikan fitur kala lepas dengan menggabungkan kedua-dua letusan untuk membentuk nodus kala'. Berdasarkan rajah pohon di atas, Fk dicantum dengan kala [lepas] bagi menghasilkan kala'. Hal ini membolehkan fitur [ukala:] mempunyai nilai dan boleh disemak. Kata kerja *akiyum* pula dibawa naik ke kala untuk diberikan nilai kala lepas dan meninggalkan bekas < > pada nodus k. Operasi pergerakan KK *akiyum* ke posisi cantuman kala. KK *akiyum* bergerak dan bercantum dengan kala [lepas] bagi membentuk kala. Pergerakan ini menyebabkan KK mengalami dua kali pergerakan. Dalam struktur di atas, binaan KS (KERJAAN-SUBJEK) ialah binaan yang gramatis kerana kewujudan unsur tambahan di belakang KN menyebabkan

KK sentiasa di hadapan kala. Kemudian, telah berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:] apabila kala [lepas] yang memerintah [ukala:] akan menilainya dengan fitur [lepas] untuk menghasilkan [ukala:lepas]. Penilaian fitur tak berinterpretasi [ukala:] disemak menjadi [ukala:lepas]. Kata kerja *akiyum* akan dibawa naik ke posisi Kala untuk diberikan nilai kala, iaitu kala lepas.


Dalam derivasi di atas, *OPi* akan diwujudkan untuk menjadi pasangan kepada Kala' lalu membentuk Fk. Oleh sebab kata kerja bahasa Bajau Laut ini berbentuk KS, maka fitur N pada *embo* tidak diprojeksikan ke atas untuk bergabung dengan Kala' bagi membentuk Fkala, sebaliknya telah wujud satu posisi baharu untuk memprojeksikan *embo*, iaitu FObjek bagi bahasa ini. Maka *embo* akan dikoindekskan dengan *OPi* (operator) supaya peranan teta agen dapat ditandakan pada *embo* dan subjek ini tidak bergerak untuk mendapatkan kasus dalam bahasa Bajau Laut. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau Laut menyebabkan tidak ada elemen subjek yang bergerak ke posisi Spek Fkala. Subjek *embo* kekal berada pada posisi dasar, iaitu pada posisi komplemen FK.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN SINTAKSIS KATA KERJA DWITRANSITIF TRANSITIF BAHASA BAJAU DARAT DAN BAJAU LAUT

Perbincangan di atas telah menjelaskan bahawa kata kerja dwitransitif memerlukan satu subjek dan dua objek untuk melengkapkan suatu makna ayat. Hal ini bermakna kata kerja dwitransitif memiliki tiga argumen. Merujuk data kata kerja Dwitransitif yang telah disenaraikan dalam analisis deskriptif sebelum ini, KK Dwitransitif bahasa Bajau yang dianalisis pada bahagian ini ialah *angalingan* bagi bahasa Bajau Laut. Kata kerja ini dianalisis menggunakan kerangka Minimalis. Ayat (19) di bawah menunjukkan binaan frasa kerja dwitransitif kala kini bahasa Bajau Laut.

- (19) Bahasa Bajau Laut: *Angalingan* otoh inah ma kusina.
Glos: Panggil abang ibu dari dapur.
Terjemahan: "Ibu memanggil abang dari dapur".

Kata kerja *angalingan* memerlukan tiga argumen dan salah satunya ialah frasa preposisi. Frasa preposisi *ma kusina* kemudiannya menyemak



Rajah 10 Rajah pohon bagi kata kerja dwitransitif bahasa Bajau Laut *angalingan*.

kata kerja *angalingan* dan membentuk nodus K'. Derivasi di atas menunjukkan proses pembentukan frasa kerja (FK) melalui operasi gabung (*merge*) di antara K' dan Kata Nama *otoh*. Seterusnya, memilih k (k kecil) dan bergabung dengan FK untuk memenuhi Prinsip Hierarki Projeksi untuk menghasilkan k'.

Setelah proses gabung selesai, proses yang seterusnya ialah proses semakan bagi memberikan nilai kepada fitur pemilihan-k. Fitur pemilihan-k dilakukan di bawah prinsip adik-beradik. Fitur pemilihan-k ini bermaksud melakukan pemilihan kategori perkataan yang bersesuaian untuk hadir bersama-sama perkataan tersebut. Berdasarkan Rajah 10, telah berlaku pergerakan KK *angalingan* yang berada di bawah posisi

K' kepada posisi k kecil bagi memenuhi prinsip UTAH. Pergerakan ini berlaku disebabkan oleh KK *angalingan* merupakan unsur yang kuat untuk melakukan pergerakan ke posisi yang lebih tinggi. Kesan daripada pergerakan tersebut, maka KK *angalingan* meninggalkan tanda < > yang dikenali sebagai bekas seperti yang terdapat pada KK <*angalingan*>. Selepas pergerakan tersebut, KK *angalingan* mendapat fitur yang baharu, iaitu fitur kala kini berbanding sebelumnya KK *angalingan* mempunyai fitur [K].

Selain itu, k kecil telah dipilih sebagai pasangan kepada FK dan seterusnya membentuk k' (k tanda). Kemudian, berlaku cetusan pada bahagian k dalam rajah pohon di atas, iaitu k telah dicetuskan kepada KK *angalingan* dan kala kini.

Derivasi yang berlaku di atas juga telah menyebabkan *inah*[N] telah memilih k' sebagai pasangannya. k' mempunyai fitur [N] dan membentuk Fk. Kata nama *inah* ini mempunyai fitur berinterpretasi [N]. Keadaan ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan keadaan ini menyebabkan fitur tak berinterpretasi berkenaan boleh disemak.

Fk bergabung dengan KN *otoh* yang dibawa naik dari posisi FK untuk membentuk FObjek. Wujud satu posisi baharu untuk memprojeksikan *inah*, iaitu FObjek untuk bahasa ini. Maka, *inah* dikoindekskan dengan O*Pi* (operator) supaya kasus nominatif dapat ditandakan pada *inah* dan subjek ini tidak bergerak untuk mendapatkan kasus dalam bahasa Bajau.

Seterusnya, berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [ukala:] apabila kala [kini] yang memerintah [ukala:] menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [ukala:kini]. Penilaian fitur ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [ukala:] disemak menjadi [ukala:kini]. Kata kerja *angalingan* dibawa naik ke posisi kala untuk diberikan nilai kala, iaitu kala kini.

Rajah 10 merupakan struktur rajah pohon yang lengkap menggunakan kerangka Minimalis bagi (*angalingan otoh inah ma kusina*) kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang diprojeksikan untuk membina nodus yang baharu. Selain itu, KK *angalingan* yang mendasari ayat merupakan kata kerja dwitransitif berikutan kata kerja ini memerlukan tiga argumen, iaitu subjek yang dipenuhi oleh *inah*, objek langsung yang dipenuhi oleh *otoh* dan objek tidak langsung dipenuhi oleh FP *ma kusina*. Wujud satu posisi baharu daripada kebiasaan rajah pohon, iaitu FObjek. Kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Berdasarkan rajah pohon di atas, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau

Darat menyebabkan tidak ada elemen subjek yang akan bergerak ke posisi Spek Fkala. Subjek *inah* kekal berada pada posisi dasar, iaitu spek Fk.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis data dari deskriptif kepada analisis sintaksis, pengkaji hanya menyenaraikan kesemua data berkenaan kata kerja dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut. Analisis ini telah membahaskan sesuatu yang unik, iaitu kata kerja dalam ayat-ayat tersebut memiliki fitur kala kini dan juga kala lepas. Seterusnya, hasil huraian secara teoretikal juga menunjukkan bahawa struktur binaan ayat dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut adalah berbeza dengan bahasa Melayu standard. Struktur binaan ayat dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut terdiri daripada K-O-S dan K-S, manakala bahasa Melayu Standard S-K-O. Permasalahan yang timbul disebabkan kedudukan subjek dalam ayat bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut berada pada posisi objek dan kata kerja pada posisi subjek. Hal ini demikian kerana kekuatan sesuatu fitur mempengaruhi pergerakan subjek dalam rajah pohon. Oleh itu, kelemahan fitur EPP pada kala dalam bahasa Bajau menyebabkan tidak ada elemen subjek yang akan bergerak ke posisi spek Fkala. Sifat bahasa Bajau ini juga mempunyai persamaan dengan bahasa Perancis.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Kursi Endowmen MPOB-UKM berkod EP- 2019-053 dan Geran Penyelidikan Khas Top-Down UKM-Bahasa Melayu berkod: GPK-PBM-2020-025.

RUJUKAN

- Arbak Othman. (1989). *Nahu bahasa Melayu*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azam Shahsavari. (2016). Di-transitive constructions in Persian based on the minimalist program. *International Journal of English Linguistics*, 6, 8-20.
- Chomsky, N. (1995). *The minimalist program*. MIT Press.
- David Edger. (2003). *Core syntax a minimalist approach*. University Press.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010). *Teori Chomsky dan cabaran bahasa Melayu*. *Jurnal Kesturi*, 20(1), 28-47.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2005). *Analisis sintaksis ke atas enklitik '-nya' dalam bahasa Melayu* (Tesis Dr. Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohammed Taha. (2018). The Syntax of applicative constructions in spoken Sudanese Arabic. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 24(2), 143-153.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2016). Transitiviti bahasa Mendriq. *Akademika*, 86 (2), 87-98.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz bin Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 169-191.
- Laman web rasmi kerajaan negeri sabah. (2020). Rakyat & Sejarah. <https://sabah.gov.my/cms/?q=ms/content/rakyat-sejarah> dicapai pada 12 September 2020.
- Md Isa Hassan. (1993). *Frasa kata kerja dalam bahasa Melayu: Masalah penggunaan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miller, Mark.T. (2007). *A grammar of West Coast Bajau* (Unpublished Ph.D Thesis). The University of Texas at Arlington.
- Ong'ayo Francis Onyango. (2015). Morph syntactic analysis of verb inflections in Igikuria language: A minimalist programme. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* (4), 87-96.
- Pembancian Penduduk dan Perumahan Malaysia*. (2010). Jabatan Perangkaan Malaysia: Pesuruhjaya Banci Malaysia. <http://www.statistics.gov.my> dicapai pada 27 September 2019.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2010). Perbandingan dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna. *Jurnal Melayu*, 5, 333-374.
- Sifaki, E. (2014). VOS in Greek. *Journal of Greek Linguistics*, 13(2), 240-278.
- Sumatra binti Karman. (2015). *Kata kerja bahasa Bajau: Analisis kerangka Minimalis* (Tesis Sarjana Muda tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.